

**PM Thai Shinawatra Berusaha Tarik Pelabur India**  
**Bernama**  
**25 Januari, 2012**  
**Oleh P.Vijian**

NEW DELHI, Jan 25 (Bernama) --Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra Rabu mempelawa ahli perniagaan India melabur dalam ekonomi negara tersebut yang teruk dilanda banjir baru-baru ini, dengan memberi jaminan pelaburan mereka akan dilindungi daripada bencana air.

Shinawatra, dalam lawatan sulungnya ke India berkata beliau yakin ekonomi negara itu akan melantun kembali kerana asas ekonominya kukuh.

"Asas ekonomi kami kukuh dan kami menjangka pertumbuhan ekonomi lima peratus tahun ini. Penggunaan kami berkembang dan kerajaan berusaha untuk meningkatkan permintaan.

"Kami akan membelanjakan US\$11 bilion (RM34 bilion) untuk menambah baik sistem pengurusan air bagi melindungi bahagian ekonomi dan pelaburan utama," kata Shinawatra dalam satu mesyuarat perniagaan di Delhi.

Thailand dilanda bencana banjir paling buruk dalam tempoh hampir 70 tahun pada 2011, di mana kira-kira 15,000 kilang rosak dan kerugian dianggarkan hampir US\$45 bilion (RM140 bilion).

Thailand, ekonomi kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Indonesia, mencatatkan pertumbuhan ekonomi kecil pada 1.5 peratus tahun lepas disebabkan bencana banjir itu.

Negara itu yang pernah diberi jolokan "Venice Asia", berjaya menarik pelabur asing terutamanya dalam sektor automotif membuka pangkalan pembuatan mereka di sana.

Perdagangan dua hala India-Thailand berjumlah US\$7 bilion (RM21.7 bilion) dalam tempoh 11 bulan pertama 2011 dan diunjur mencecah US\$14 bilion (RM43.5 bilion) pada 2014, sebaik sahaja perjanjian perdagangan bebas berkuat kuasa.

Shinawatra dijemput sebagai tetamu bagi sambutan Hari Republik India pada 26 Januari.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642163>